

SOALAN NO: 229

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**SOALAN : 229**

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan garis panduan waktu kerja bagi para pegawai perubatan sehingga ada yang terpaksa bekerja sehingga lebih 20 jam tanpa henti yang boleh mendedahkan mereka kepada kecuaiian dan gangguan prestasi kerja.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) prihatin dan mengambil berat tentang kebajikan dan keselamatan anggota KKM. KKM juga berterima kasih dan mengambil maklum saranan pelbagai pihak yang turut prihatin akan keselamatan dan kebajikan anggota kesihatan KKM yang telah selama ini berbakti memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Memandangkan hospital-hospital KKM sememangnya menawarkan perkhidmatan kesihatan berterusan selama 24 jam, adalah menjadi lumrah tugas anggota kesihatan yang bertugas di hospital untuk bekerja di luar waktu bekerja biasa.

Pegawai Perubatan yang berkhidmat di klinik kesihatan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas atas panggilan selepas waktu pejabat bagi klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan ini. Pegawai Perubatan ini dibenarkan balik ke rumah atau kuarters yang disediakan. Penolong Pegawai Perubatan akan melaksanakan tugas *first call* untuk melihat dan memeriksa pesakit terlebih dahulu dan Pegawai Perubatan hanya akan dipanggil apabila perlu kerana mereka bertugas sebagai *second call*. Pegawai Perubatan tidak perlu berada di klinik sepanjang tempoh *on call*.

Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan untuk kakitangan dan terdapat peruntukan sedia ada berdasarkan pekeliling yang telah dikeluarkan untuk memberi kelonggaran tertentu kepada anggota kesihatan berdasarkan budi bicara Ketua Jabatan dan tertakluk kepada keperluan pemyampaian perkhidmatan kesihatan .

Sebagai langkah pencegahan, KKM akan berganding bahu dengan agensi-agensi berkaitan, contohnya seperti MIROS, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan.